

## **Pembentukan iman bagi para Katekis di Keuskupan Agung Kota Kinabalu - 2009**

---

### **Mengapa ia dianjurkan?**

Komisi Kateketik Keuskupan Agung telah melawat setiap paroki dan telah menganjurkan program pembentukan dari masa ke semasa bagi para katekis di setiap paroki. Melalui lawatan dan pembentukan ini maka Komisi Kateketikal telah berpeluang untuk melihat keadaan realiti - masalah-masalah, cabaran-cabaran dan keperluan-keperluan komiti kateketikal di setiap paroki yang memerlukan tindakan oleh semua pihak. Melalui program pembentukan yang telah diadakan, salah satu keperluan yang sering ditimbulkan oleh para katekis, ibu bapa dan Paderi serta atas nasihat Uskup Agung Kota Kinabalu adalah mengadakan suatu bentuk pembentukan yang berterusan bagi para katekis.

Para katekis yang melayani di paroki-paroki adalah terdiri daripada para belia (bersekolah, bekerja/ tidak bekerja serta ibu bapa. Mereka melayani secara sukarela walaupun mereka menyedari akan kekurangan diri mereka dari segi pengetahuan, penyampaian, dll. Namun kerana kekurangan tenaga pengajar dalam Pertemuan Minggu Gembira/ IKD/IKK dan kerana merasa terpacu untuk mengongsikan iman mereka, maka mereka secara sukarela membantu dan mengorbankan masa mereka pada setiap Minggu untuk memberi katekesis kepada para pelajar PMG dan IKD. Dengan kekurangan informasi, skill dan pengetahuan ini maka sudah sememangnya mereka akan menghadapi berbagai masalah dan cabaran dalam menangani pelbagai kerana para pelajar di zaman moden yang semakin sukar untuk dikawal, difahami dan dididik dengan pengajaran agama yang hanya diadakan sejam atau lebih pada setiap hari Ahad.

Walaupun program pembentukan katekis ini diadakan dari masa ke semasa, namun ia tidaklah mencukupi. Dengan keperluan yang mendesak ini maka Komisi Kateketikal telah menyusun program pembentukan ini untuk membantu para katekis melengkapi diri mereka bukan sahaja dari segi kerohanian, tetapi juga memberi motivasi agar mereka dapat menangani dan memahami pembesaran/sikap para pelajar agar pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan menarik. Program ini juga adalah untuk memenuhi permintaan para katekis sendiri, ibu bapa, paderi dan atas nasihat Uskup Agung yang inginkan katekis yang berkualiti.

Harapan semoga dengan program pembentukan seperti ini akan dapat membantu para katekis melengkapi diri mereka dengan berbagai aspek agar mereka dapat terus

bertahan untuk melayani dengan penuh cinta kasih Yesus kerana inilah misi Gereja, untuk terus memperturunkan dan mengongsikan iman kepada generasi baru.

**Peserta Sasaran:** Para Katekis / pembimbing Pertemuan Minggu Gembira, IKD/ IKK/ LSKK dan sesiapa yang berminat mahu menjadi pembimbing.

**Jumlah peserta :** 200 orang sahaja..

**Tarikh tutup penyertaan : 10 Mac 2009**

Para peserta dikehendaki mengingati sepanjang program ini. Segala keperluan / perbelanjaan adalah tanggungan peserta sendiri.

Keperluan yang perlu dibawa: Alkitab, alat tulis dan keperluan peribadi.

Sesi akan disampaikan : Melalui sesi perkongsian / ceramah / menonton CD / aktiviti, dll.

Publisiti : Komite Kateketikal Paroki / Catholic Sabah

**Tempat:** Pace Bene, FSIC Center, Purak Papar

**Tarikh :** 20hb – 22hb Mac 2009

**Masa:** 2 hari : Jumaat, Sabtu dan Ahad - masa cuti sekolah

**Untuk Keterangan lanjut** sila hubungi Pejabat Kateketikal Keuskupan Agung, Kota Kinabalu (Sr. Diana Eing / Sr. Dariah Ajap) Tel: 088-712297 / 715017.

### **Objektif**

- i) Membantu para peserta melengkapkan diri mereka agar dapat menyampaikan pengajaran Mingguan dengan penuh cinta kasih dan dedikasi agar mereka terus bertahan dalam panggilan mereka sebagai pembimbing;
- ii) Membantu mereka lebih menyedari akan panggilan pembaptisan serta panggilan kekudusan mereka;
- iii) Untuk lebih mewujudkan perhubungan dan kerjasama di antara sesama katekis dari paroki yang lain.

**Matlamat:** Adalah diharapkan agar melalui program ini dapat membantu para peserta untuk lebih menyedari akan panggilan dan pelayanan istimewa mereka, agar dapat menyampaikan pengajaran mingguan dengan penuh berkesan, kreatif dan bertanggungjawab.

## **PROGRAM**

### Jumaat (20/3/2009)

4.00 ptg	-	Ketibaan & Pendaftaran
6.00 ptg	-	Doa petang / Misa
7.00 ptg	-	Makan Malam
8.00 mlm	-	Orientasi / suai kenal / pengenalan program
	-	Sesi I
10.00 mlm	-	Selamat Malam

### Sabtu (21/3/2008)

6.00 pgi	-	Bangun Pagi
7.00 pgi	-	Doa pagi
7.30 pgi	-	Sarapan Pagi
8.30 pgi	-	Sesi 2
10.00 pgi	-	Rehat / Minum Pagi
10.30 pgi	-	Sesi 3
12.30 t/hari	-	Makan Tengah Hari
1.30 ptg	-	Sesi 4
3.00 ptg	-	Rehat / Minum Petang
3.30 ptg	-	Sesi 5
5.00 ptg	-	Rehat / Persiapan Peribadi
6.00 ptg	-	Doa petang / Sunset Mass
7.00 mlm	-	makan Malam
8.00 mlm	-	Sesi 6
10.00 mlm	-	Selamat Malam

### Ahad (22/3/2009)

6.00 pgi	-	Bangun Pagi
7.00 pgi	-	Doa Pagi
7.30 pgi	-	Sarapan Pagi
8.30 pgi	-	Sesi 7
10.00 pgi	-	Rehat / Minum Pagi
10.30 pgi	-	Sesi 8
12.30 T/hari	-	Makan Tengah hari
1.30 ptg	-	Sesi 9
3.00 ptg	-	Doa Penutup
4.00 ptg	-	Minum Petang
	-	Selesai.....